



Pelajar UPM didekah ilmu protokol, bijak kepimpinan

PROGRAM Pintar Protokol, Bijak Kepimpinan Madani, anjuran Kursus Kokurikulum Berkredit QKW2108 Protokol dan Etiket Sosial Universiti Putra Malaysia (UPM) yang turut disertai oleh Akademi Kepimpinan Negara Malaysia (AKM), menarik penyertaan 50 pelajar universiti tersebut pada Sabtu lalu.

Program itu bertujuan melahirkan pemimpin muda yang berketerampilan melalui pendedahan ilmu protokol rasmi dan nilai kepimpinan berdasarkan prinsip Madani.

Sepanjang program, peserta mengikuti modul-modul intensif merangkumi teknik komunikasi

formal, protokol pengurusan acara rasmi dan latihan kepimpinan strategik.

Aktiviti interaktif seperti simulasi protokol rasmi dan etiket sosial dalam situasi tertentu, seperti majlis formal atau pertemuan rasmi yang dapat memberi pengalaman langsung kepada pelajar.

■ PESERTA bergambar bersama Dr. Rozzamri Ashari (duduk, dua kiri) selepas program Pintar Protokol, Bijak Kepimpinan Madani anjuran Kursus Kokurikulum Berkredit QKW2108 Protokol dan Etiket Sosial di Dewan al-Farabi, Fakulti Ekologi Manusia, UPM Serdang.